



جابتن كواغن دان قربنداھاراءن نكرى ملاك

JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

Aras 2, 3 & 4, Blok Bentara

Kompleks Seri Negeri

Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh

75450 MELAKA

Tel. (ONCC) : 06-333 3333

Faks : 06-231 6489

Laman Web : jkpm.melaka.gov.my

Ruj Kami : JKPNMPA.100-1/7/9 (10)

Tarikh : 3 Julai 2018

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

Y.A.A Datuk / YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

PEKELILING JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA

- i) BIL. 3 TAHUN 2018 - KUASA UNTUK MENANDATANGANI KONTRAK BAGI PIHAK KERAJAAN NEGERI MELAKA; DAN
- ii) BIL. 4 TAHUN 2018 - PERWAKILAN KUASA PELUPUSAN ASET DAN MENGHAPUS KIRA KEHILANGAN ASET KERAJAAN NEGERI

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita bersama-sama ini disertakan Pekeliling Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Melaka Bil. 3 Tahun 2018 - Kuasa Untuk Menandatangani Kontrak Bagi Pihak Kerajaan Negeri Melaka dan Bil. 4 Tahun 2018 - Perwakilan Kuasa Pelupusan Aset dan Menghapus Kira Kehilangan Aset Kerajaan Negeri untuk perhatian dan tindakan pihak Y.A.A Datuk / YBhg. Datuk / Tuan / Puan selanjutnya. Dilampirkan jua sesalinan surat Perwakilan Kuasa Di Bawah Seksyen 9, Akta Perwakilan Kuasa 1956 dan Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Akta 120) yang telah ditandatangani YAB Ketua Menteri untuk makluman.

3. Pekeliling ini juga boleh dimuat turun melalui laman web Jabatan Kewangan dan Perbendaharaan Negeri www.jkpm.melaka.gov.my. Segala kerjasama dan perhatian pihak Y.A.A Datuk / YBhg. Datuk / Tuan / Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MELAKA BERWIBAWA"
"PINTAR, HIJAU, BERSIH"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(**MOHD YUSOF BIN ABU BAKAR**)
b.p Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA



Salinan kepada :

- i) YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
Jabatan Ketua Menteri Melaka
Aras 3, Blok Bendahara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 Melaka
- ii) YB Pegawai Kewangan Negeri
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri
Aras 4, Blok Bentara
Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 Melaka
- iii) Pengarah
Jabatan Audit Negara
Negeri Melaka
Wisma Audit, Persiaran Mitc
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 Melaka
- iv) Bendahari Negeri
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri
Aras 3 Blok Bentara, Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 Melaka
- v) Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)
Jabatan Kewangan Dan Perbendaharaan Negeri
Aras 3 Blok Bentara, Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh
75450 Melaka
- vi) Fail Timbul

SENARAI EDARAN

1. **YB Setiausaha Kerajaan Negeri**
Jabatan Ketua Menteri Melaka
Blok Temenggong, Aras 2, Kompleks Seri Negeri
Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh
MELAKA
(u.p : Bahagian Khidmat Pengurusan)
2. **YBhg.Sahibus Samahah Mufti Negeri Melaka**
Jabatan Mufti Negeri Melaka
Aras 2 & 3, Pusat Islam Melaka
75150 Bukit Palah
MELAKA
3. **Y.A.A Ketua Hakim Syarie**
Mahkamah Syariah Negeri Melaka
Kompleks Mahkamah Syariah Negeri Melaka
Jalan Ayer Keroh Lama (MITC) Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
MELAKA
4. **Pengarah**
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka
Aras 1-2, Wisma Negeri
Jalan Wisma Negeri
75450 Ayer Keroh
MELAKA
5. **Pengarah**
Jabatan Kerja Raya Negeri Melaka
Jalan Taming Sari
Peti Surat 96, 75906
MELAKA
6. **Pegawai Daerah**
Pejabat Daerah dan Tanah Melaka Tengah
Aras Bawah dan Aras 1
Bangunan Wisma Negeri
Kompleks MITC, Hang Tuah
Jaya, 75450 Ayer Keroh
MELAKA

7. **Pegawai Daerah**
Pejabat Daerah dan Tanah Alor Gajah
78000 Alor Gajah
MELAKA
8. **Pegawai Daerah**
Pejabat Daerah dan Tanah Jasin
77000 Jasin
MELAKA
9. **Pengarah**
Jabatan Pertanian Negeri Melaka
Aras 4, Wisma Negeri
75450 Ayer Keroh
MELAKA
10. **Pengarah**
Jabatan Agama Islam Melaka
Kompleks MAIM, Bukit Palah
75150 **MELAKA**
11. **Pengarah**
Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka
No.36-2 Tingkat 2, Jln KC 1
Bangunan Kota Cemerlang
Hang Tuah Jaya, 75450
Lebuh Ayer Keroh
MELAKA
12. **Pengarah**
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka
Jalan Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya
75450 **MELAKA**
13. **Pengarah**
Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Melaka
Aras 5, Wisma Negeri, Bandar MITC
Hang Tuah Jaya
75450 **MELAKA**
14. **Pengarah**
Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka
Aras 3, Wisma Negeri
MITC, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
MELAKA

15. **Setiausaha Sulit**
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka
Jalan Seri Negeri, Ayer Keroh
75450 **MELAKA**

16. **Pengarah**
Jabatan Perhutanan Negeri Melaka
75450 Ayer Keroh
MELAKA



NEGERI MELAKA

AKTA PERWAKILAN KUASA 1956

PERWAKILAN KUASA DI BAWAH SEKSYEN 9

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 9 Akta Perwakilan Kuasa 1956 [Akta 358], Ketua Menteri Melaka mewakilkan kuasa di bawah seksyen 17 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] kepada pegawai-pegawai berikut untuk kuasa melupuskan aset yang rosak, usang, tidak ekonomik dibaiki, tidak boleh diservis atau tidak diperlukan lagi kepunyaan Negeri dan diamanahkan kepada Jabatan Negeri dan untuk menghapus kira nilai aset yang hilang kepunyaan Negeri dan diamanahkan kepada Jabatan Negeri tertakluk kepada had dan nilai seperti berikut:

(A) Melupuskan Aset Kerajaan

(i) Pegawai Kewangan Negeri

- (a) Nilai asal perolehan aset melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) hingga tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit (RM200,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) hingga tidak lebih daripada satu juta ringgit (RM1,000,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

(ii) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

- (a) Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

(B) Menghapus Kira Kehilangan Aset Kerajaan

(i) Pegawai Kewangan Negeri

- (a) Nilai asal perolehan aset melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) hingga tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit (RM200,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) hingga tidak lebih daripada satu juta ringgit (RM1,000,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset termasuk kehilangan akibat kecurian, penipuan atau kecuaiannya pegawai awam.

(ii) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan


- (a) Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset kecuali kehilangan akibat kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam.

2. Bagi tujuan perwakilan kuasa ini, aset adalah termasuk aset alih, aset hidup, aset tak ketara dan stok untuk tujuan operasi dan penyelenggaraan yang dibeli, disewa atau dibina dengan wang kerajaan, yang diterima melalui sumbangan atau hadiah, yang diperolehi melalui proses perundangan dan yang dimiliki secara pajakan atau warisan, tetapi tidak termasuk aset tak alih.

3. Semua pelupusan dan hapus kira yang dijalankan oleh pegawai itu hendaklah mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan berhubung dengan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Pihak Berkuasa Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dari semasa ke semasa.

4. Penurunan kuasa ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 14 Mei 2018.

Bertarikh 27 Jun 2018
JKPNMPA(S).100-1/4/1 (5)



ADLY BIN ZAHARI
Ketua Menteri Melaka



**PEKELILING
JABATAN KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN NEGERI MELAKA
BIL. 4 TAHUN 2018**

**Semua Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan Negeri,
MELAKA**

**PERWAKILAN KUASA PELUPUSAN ASET DAN MENGHAPUS KIRA
KEHILANGAN ASET KERAJAAN NEGERI**

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan perkara-perkara seperti berikut:-

- 1.1 Perwakilan kuasa Ketua Menteri Melaka kepada **Pegawai Kewangan Negeri dan Pengawai Pengawal/Ketua Jabatan** bagi pelupusan aset dan menghapus kira kehilangan aset Kerajaan Negeri.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Berdasarkan seksyen 17, Akta Prosedur Kewangan 1957 [Akta 61] kuasa untuk menghapuskan kehilangan, kekurangan wang awam dan nilai stor-stor yang hilang, kekurangan, tidak boleh digunakan, tidak boleh diservis atau usang serta kuasa untuk meninggalkan amaun-amaun hasil, hutang dan bayaran lebih yang tidak boleh didapatkan kembali terletak pada kuasa Ketua Menteri.

- 2.2 Sehubungan dengan itu, merujuk Seksyen 9, Akta Perwakilan Kuasa 1956, Ketua Menteri juga boleh mewakilkan kuasa di bawah Seksyen 17 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] kepada pegawai-pegawai yang berkenaan untuk kuasa melupuskan aset dan menghapus kira aset milik Kerajaan Negeri yang hilang.

3.0 PERATURAN BARU

- 3.1 Selaras dengan hasrat "*Let Manager's Manage*" dan bagi meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan, YAB Ketua Menteri Melaka telah bersetuju untuk menurunkan kuasa kepada **Pegawai Kewangan Negeri** dan **Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan** bagi meluluskan pelupusan dan menghapus kira kehilangan aset milik Kerajaan Negeri berkuat kuasa mulai **14 Mei 2018**. Penurunan kuasa tersebut adalah tertakluk kepada had dan nilai seperti berikut:

3.1.1 Melupuskan Aset Kerajaan

(i) Pegawai Kewangan Negeri

- (a) Nilai asal perolehan aset melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) hingga tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit (RM200,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) hingga tidak lebih daripada satu juta ringgit (RM1,000,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

(ii) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

- (a) Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua kaedah pelupusan.

3.1.2 Menghapus Kira Kehilangan Aset Kerajaan

(i) Pegawai Kewangan Negeri

- (a) Nilai asal perolehan aset melebihi lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) hingga tidak lebih daripada dua ratus ribu ringgit (RM200,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan melebihi lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) hingga tidak lebih daripada satu juta ringgit (RM1,000,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset termasuk kehilangan akibat kecurian, penipuan atau kecuaiian pegawai awam.

(ii) Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan

- (a) Nilai asal perolehan aset tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit (RM50,000.00) bagi tiap-tiap satu barang dan tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit (RM500,000.00) bagi nilai agregatnya untuk semua jenis aset kecuali kehilangan akibat kecurian penipuan atau kecuaiian pegawai awam.

3.2 Bagi tujuan perwakilan kuasa ini, aset adalah termasuk aset alih, aset hidup, aset tak ketara dan stok untuk tujuan operasi dan penyelenggaraan yang dibeli, disewa atau dibina dengan wang kerajaan, yang diterima melalui sumbangan atau hadiah, yang diperolehi melalui proses perundangan dan yang dimiliki secara pajakan atau warisan, tetapi tidak termasuk aset tak alih.

3.3 Semua pelupusan dan hapus kira yang dijalankan oleh pegawai itu hendaklah mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Pekeliling Perbendaharaan berhubung dengan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang sedang berkuat kuasa dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Pihak Berkuasa Negeri dan Pegawai Kewangan Negeri dari semasa ke semasa.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 14 Mei 2018 iaitu pada tarikh Surat Penurunan Kuasa YAB Ketua Menteri Melaka seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 17 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Seksyen 9 Akta Perwakilan Kuasa 1956.

Sekian, terima kasih.

**“MELAKA BERWIBAWA”
“PINTAR, HIJAU, BERSIH”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



(HANAFI BIN SAKRI)
Pegawai Kewangan Negeri
MELAKA

Tarikh : 29 Jun 2018

Salinan Kepada.:

1. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
MELAKA
2. Pengarah
Jabatan Audit Negara Cawangan Negeri Melaka,
MELAKA